

Reaksi staf pakai baju Melayu setiap Jumaat

KOMEN staf Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam yang menggalakkan kakitangan awam lelaki di seluruh negara memakai baju melayu lengkap atau pakaian kebangsaan pada setiap hari Jumaat.

“Baik dipakai pada setiap hari Jumaat kerana ianya kemas dan cantik, tetapi ianya tidak bersesuaian untuk dipakai bersama sampin kalau kerjaya seseorang itu lasak, cukup sekadar memakai baju Melayu sahaja.”

Shaffie Hj. Abdul Wahab

- *Bahagian Perhubungan Antarabangsa*

“Tak apa, bukan setiap hari, saya setuju kerana ianya melambangkan kebudayaan Melayu, kalau staf bukan Melayu memakai saya rasa elok kerana kita rakyat Malaysia.”

Mazli Mohamad

- *Unit Audit Dalaman*

“Pada pandangan saya, ianya boleh dipraktikkan mengikut kesesuaian tugas. Tak sesuai jika *office boy* atau PAR nak pakai bersama songket, cukup dengan memakai baju Melayu. Apabila kita melihat lelaki memakai baju Melayu ini, kita tau keperibadian dan bersesuaian dengan kerjaya seseorang itu. Bagus juga jika bangsa asing memakai baju kebangsaan kita, rasa bangga dan hormat kerana menghormati budaya kita.”

Norhana Ali - BHEM

“Bagus kerana ianya melambangkan ciri-ciri kemelayuan, keislaman, nampak sopan dan mudah dikenali. Tak kisah jika bangsa lain memakai baju kebangsaan kita, malah saya rasa bangga sebab ada bangsa lain yang mahu memakai baju kebangsaan negara kita.”

Muhammad Sufyan Azmi

- *Pelajar*

“Ok, nampak kemas dan elegan dan ianya juga memperkenalkan kebudayaan Malaysia dan bersetuju jika bangsa lain pakai.”

Kalpana a/p Subramaniam

- *Bahagian Perhubungan Antarabangsa*

“Secara peribadi, memakai baju Melayu setiap Jumaat ok. Kalau diwajibkan macam pemakaian batik pada setiap hari Sabtu bekerja adalah digalakkan. Kalau hendak mewajibkan pemakaian baju Melayu pada setiap Jumaat boleh, tetapi mesti ada peruntukkan sebab kita bukan golongan yang senang. Kalau mahu bangsa lain memakai baju kebangsaan kita, kita mesti mulakan trendnya terlebih dahulu.”

Rosli Abd Rahman - Bendahari